



Pusat IDEA UKM (IDEA)

GARIS PANDUAN

GERAN TRANSLASI UKM (TR-UKM)



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

GARIS PANDUAN GERAN TRANSLASI UKM (TR-UKM)

No. Isu	No. Semakan	Tarikh Kuatkuasa
02	00	1 FEB 2023

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN



KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
1.0 BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)	3
2.0 BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)	11
3.0 BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)	12
4.0 BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)	13
5.0 BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)	14
6.0 BAHAGIAN 6 (PERANAN)	15
7.0 BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)	16

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

BAHAGIAN 1 (PERMOHONAN)

1.1. Pengenalan

Pusat IDEA meneruskan agenda memperkasakan penyelidikan translasi yang merupakan salah satu naratif baharu UKM. Prakarsa bitara i-MINDA, Watan dan Digital yang diterajui oleh Pusat IDEA adalah pemangkin untuk menggerakkan penyelidikan translasi dalam kalangan penyelidik UKM bagi menterjemahkan output yang berimpak tinggi seperti pemindahan teknologi, pengkomersialan produk, pendaftaran harta intelek, dan penghasilan kertas polisi yang menjadi penyelesaian tuntas kepada permasalahan negara, industri, dan komuniti.

Matlamat utama dana ini adalah untuk menyerlahkan kebitaraan universiti dalam memperkasakan projek penyelidikan berimpak yang bersifat translasi dan multidisiplin untuk manfaat pihak berkepentingan, sekaligus dapat menyokong kelestarian ekosistem penyelidikan UKM.

Penawaran projek penyelidikan ini perlu melibatkan pihak industri sebagai rakan strategik/penyelidik bersama yang menggerakkan penyelidikan secara kolaboratif, di samping penglibatan ahli penyelidik daripada rakan Universiti Penyelidikan, dan Universiti Komprehensif/Universiti Berfokus. Kerjasama ini dapat menghasilkan percambahan dan pertukaran idea yang kreatif, inovatif dan berfikiran ke hadapan melalui perkongsian hasil penyelidikan, pengalaman, kepakaran dan kemahiran.

1.2. Domain Penyelidikan

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada tujuh (7) Domain Penyelidikan seperti berikut:

- a) Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*)
- b) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*)
- c) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical Health and Sciences*)
- d) Sains Sosial (*Social Sciences*)
- e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*)
- f) Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*)
- g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*)

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

1.3. Kluster Penyelidikan UKM

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada lima (5) Kluster Penyelidikan seperti berikut iaitu:

- 1.3.1. Kluster Penyelidikan Transformasi Sosial dan Ekonomi
- 1.3.2. Kluster Penyelidikan Warisan dan Masyarakat Madani
- 1.3.3. Kluster Penyelidikan Sumber Lestari, Alam Sekitar dan Kehidupan Pintar
- 1.3.4. Kluster Penyelidikan Teknologi Digital dan Terkehadapan
- 1.3.5. Kluster Penyelidikan Kesihatan dan Perubatan Termaju

1.4. Objektif

- 1.4.1. Melaksanakan penyelidikan berdampak-multidisiplin bagi menghasilkan penyelesaian yang komprehensif terhadap isu-isu semasa negara dan output projek dapat menyumbang kepada KPI universiti penyelidikan serta dimanfaatkan oleh pihak-pihak berkepentingan.
- 1.4.2. Menghasilkan penyelidikan yang bukan sahaja boleh membantu menyelesaikan isu-isu dan cabaran semasa negara tetapi menghasilkan produk/outcome yang boleh diterjemahkan bagi manfaat pihak-pihak berkepentingan dan berpotensi untuk dikomersialkan.
- 1.4.3. Menyokong penyelidikan yang telah mempunyai prototaip/produk/harta intelek sedia ada untuk meneruskan kajian ke peringkat yang seterusnya.

1.5. Syarat Permohonan

- 1.5.1. Geran ini terbuka kepada kakitangan akademik Universiti Kebangsaan Malaysia warganegara Malaysia yang bertaraf tetap dan aktif tidak termasuk yang:
 - a. Bercuti sabatikal, bercuti pasca doktoral dan bercuti sangkutan (dalam dan luar negara) melebihi tempoh enam (6) bulan semasa tarikh tutup permohonan;
 - b. Bercuti belajar; dan
 - c. Dipinjamkan ke agensi luar.

Nota:

- i. Kakitangan akademik aktif merangkumi Profesor, Profesor Madya, Pensyarah Kanan, Pensyarah, Guru dan Felo Pengajar yang mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sarjana (Masters) dan Felo Penyelidik yang dibayar gaji (bukan honorarium) oleh Universiti.
 - ii. Kakitangan akademik dalam perkara 1.5.1.a, 1.5.1.b dan 1.5.1.c boleh menjadi ahli dalam projek penyelidikan tersebut.
- 1.5.2 Ketua Penyelidik mestilah pernah menerima dan mengetuai mana-mana geran penyelidikan dalaman, nasional atau antarabangsa yang berkaitan (keutamaan diberikan kepada lanjutan projek penyelidikan sedia ada yang masih aktif) serta berjaya melaksanakan projek tersebut dan menghasilkan penemuan yang boleh diketengahkan untuk manfaat komuniti, industri, institusi dan kerajaan.
- 1.5.3. Kumpulan penyelidikan mempunyai pengalaman dalam menjalankan penyelidikan translasi dan multidisiplin (pembuktian perlu dilampirkan dalam bentuk prototaip/ produk/ harta intelek/ kertas polisi yang akan/boleh dikomersialkan/digunakan oleh pihak berkepentingan). Bagi bidang Sains Sosial memadai kertas polisi/harta intelek, manakala bagi bidang Sains, Teknologi dan Kesihatan adalah dalam bentuk produk/prototaip.
- 1.5.4. Kumpulan penyelidikan perlu mempunyai penglibatan sekurang-kurangnya seorang penyelidik bersama daripada universiti awam bukan Universiti Penyelidikan (Universiti Komprehensif/Universiti Berfokus).
- 1.5.5. Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) rakan kolaborasi sama ada daripada agensi kerajaan, industri atau komuniti yang turut menjalankan penyelidikan dan menyumbangkan sekurang-kurangnya 10% sumbangan dalam bentuk kewangan atau ‘in-kind’. (Peranan rakan kolaborasi adalah sebagai penghubung untuk tujuan pra pengkomersialan atau menggunakan hasil penyelidikan daripada projek.

1.6. Tema dan Skop Penyelidikan

- 1.6.1 Tema penyelidikan - ‘Menterjemah Hasil Penyelidikan Untuk Manfaat Pihak Berkepentingan’
- 1.6.2 Skop penyelidikan:
- a. Cabaran Perdana Malaysia dalam Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE):
 - i. Tenaga (*Energy*);
 - ii. Pendidikan (*Education*);

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

- iii. Air dan Makanan (*Water and Food*);
 - iv. Pertanian dan Perhutanan (*Agriculture and Forestry*);
 - v. Alam Sekitar dan Biodiversiti (*Environment and Biodiversity*);
 - vi. Bandar Pintar dan Pengangkutan (*Smart Cities and Transportation*);
 - vii. Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (*Medical and Healthcare*);
 - viii. Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan (*Culture, Arts and Tourism*);
 - ix. Perkhidmatan Perniagaan dan Kewangan (*Business and Financial Services*);
 - x. Teknologi dan Sistem Pintar (Kejuruteraan dan Pembuatan Generasi Baharu) (*Smart Technology and Systems (Next Generation Engineering and Manufacturing)*).
- b. Skop penyelidikan lain yang akan dimaklumkan dari semasa ke semasa dalam hebahan pembukaan geran.

1.6.3 Kertas cadangan penyelidikan mestilah memenuhi keperluan berikut:

- a. Hasil penyelidikan yang berpotensi untuk dimanfaatkan kepada pihak berkepentingan seperti agensi kerajaan, industri dan komuniti.
- b. Penyelesaian penyelidikan dalam tempoh masa yang ditetapkan untuk menunjukkan hasil dan impak yang positif kepada pihak berkepentingan dalam mendepani permasalahan semasa negara.
- c. Pendekatan pelaksanaan penyelidikan secara holistik yang memenuhi proses dalam rantaian nilai (*value-chain*).

1.7. Tempoh dan Peruntukan Penyelidikan

1.7.1 Tempoh penyelidikan tidak melebihi 12 bulan atau satu (1) tahun.

1.7.2 Jumlah peruntukan yang dipohon hendaklah tidak melebihi siling yang ditetapkan berjumlah RM100,000.00.

1.8. Tatacara Permohonan

1.8.1. Pemohon perlu mengemukakan permohonan penyelidikan melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU) DAN mengemukakan borang permohonan manual sebanyak satu salinan keras (*hardcopy*) dan satu salinan lembut (*softcopy*) kepada Pusat IDEA UKM.

- 1.8.2. Rujuk Manual Pengguna SMPU (Permohonan) untuk langkah-langkah permohonan secara atas talian dan permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

1.9. Peraturan Perbelanjaan

1.9.1. Vot 11000 (Upah dan Elaun)

- i. Melantik Pembantu Penyelidik (RA) mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh UKM. Pelantikan ini diuruskan oleh CRIM.
- ii. Potongan KWSP caruman majikan dan potongan PERKESO bagi lantikan Pembantu Penyelidik (RA) adalah menggunakan peruntukan projek penyelidikan.

1.9.2. Vot 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

- i. Perbelanjaan merangkumi semua perjalanan dan pengangkutan dalam negara sahaja yang berkaitan dengan projek.
- ii. RA hanya dibenarkan menghadiri kerja lapangan/kursus dan bengkel perjalanan dalam negara sahaja.
- iii. Jumlah perbelanjaan untuk perjalanan tidak boleh melebihi 15 peratus (15%) daripada jumlah keseluruhan projek. Justifikasi khas/kukuh perlu diberikan jika permohonan melebihi 15% daripada jumlah peruntukan projek.

1.9.3. Vot 24000 (Sewaan)

Sewaan hanya dibenarkan untuk bangunan, peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

1.9.4. Vot 27000 (Bekalan dan Bahan Penyelidikan)

- i. Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja yang dibenarkan.
- ii. Perbelanjaan adalah melibatkan:
 - a) Bekalan/bahan penyelidikan pakai habis; atau

- b) Inventori yang merupakan barang dengan kos perolehan bermilai <RM3,000.00 dan mempunyai jangka hayat melebihi setahun, memerlukan penyelenggaraan serta perlu dilupuskan di masa akan datang. Setiap pembelian perlu disertakan justifikasi berkaitan dan mengikut tatacara pengurusan Aset Alih Universiti.

1.9.5. Vot 28000 (Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai)

Hanya perbelanjaan untuk baik pulih dan pengubahsuaian yang kecil terhadap bangunan, makmal, peralatan atau lain-lain barang yang berkaitan dengan penyelidikan dibenarkan. Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada semasa projek dilaksanakan adalah dibenarkan. Selepas projek selesai kos penyelenggaraan ini tidak akan ditanggung lagi oleh geran ini.

1.9.6. Vot 29000 (Perkhidmatan Ikhtisas)

Vot ini meliputi lain-lain perkhidmatan termasuk percetakan, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan profesional, konsultasi, pemprosesan data, langganan perisian bermilai <RM50,000 dan lain-lain perkhidmatan ikhtisas yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Pembayaran honorarium kepada ketua projek atau ahli projek tidak dibenarkan.

1.9.7. Vot 35000 (Aksesori dan Peralatan)

- i. Pembelian peralatan khas dan aksesori (termasuk meningkatkan keupayaan peralatan sedia ada) yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja. Senaraikan jenis peralatan dan justifikasi permohonan. Jumlah yang dipohon tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran.
- ii. Pembelian aset perlu mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti dan dilaksana dengan teratur. Setiap aset perlu dikawal dengan baik dari segi rekod dan dilabel Hakmilik UKM serta dilengkapkan maklumat pendaftaran.
- iii. Aset yang harga perolehan asalnya RM3,000 dan ke atas bagi setiap satu unit. Semua kos pemasangan, kos pengangkutan atau lain-lain kos yang berkaitan dengannya perlu dijumlahkan sebagai sebahagian daripada kos aset berkenaan.
- iv. Bagi pembelian perisian (Software) secara pakej dengan komputer, kos tersebut merupakan sebahagian daripada kos komputer. Walau bagaimanapun, pembayaran lesen perisian tidak termasuk dalam harta modal.

- v. Pembelian perisian (Software) yang harga perolehan asalnya RM50,000 dan ke atas setiap satu yang dibeli secara berasingan. Sekiranya harga perolehan asalnya bernilai RM50,000 ke bawah, pembelian ini dikategorikan sebagai belanja bahan pakai habis.
- vi. Setiap pembelian perlu disertakan justifikasi dan sebut harga berkaitan.
- vii. Setiap aset perlu dikembalikan kepada pihak Pusat IDEA setelah selesai projek penyelidikan tersebut atau penyelidik cuti belajar mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih Universiti.
- viii. Pembelian aset tidak dibenarkan dalam tempoh ENAM bulan sebelum projek tamat (tarikh asal projek).
- ix. Penyelidik tidak dibenarkan untuk membuat pembelian seperti peralatan ICT dan komunikasi (seperti telefon bimbit/pad/tablet, komputer riba/peribadi, mesin pencetak dan seumpamanya).

1.10. Hasil Penyelidikan

1.10.1. Harta Intelek, Hasil Pengkomersialan atau Kertas Polisi

- i. Bagi bidang Sains, Teknologi & Kesihatan, wajib mengkomersialkan sekurang-kurangnya satu (1) produk melalui Pusat Inovasi dan Pemindahan Teknologi (Inovasi@UKMTM) dalam bentuk prototaip/produk.
- ii. Bagi bidang Sains Sosial, wajib menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) harta intelek/kertas polisi/garis panduan yang diguna pakai oleh pihak berkepentingan.

1.10.2. Penerbitan

- i. Penyelidikan diwajibkan untuk menghasilkan mana-mana penerbitan dalam bentuk artikel jurnal/buku penyelidikan/bab dalam buku.
- ii. Penerbitan bersama pihak industri/agensi/badan berkanun amatlah digalakkan.
- iii. Penghargaan kepada universiti dan geran penyelidikan mestilah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan.
- iv. Penerbitan yang berkaitan dengan projek penyelidikan sahaja yang diambil kira.
- v. Penerbitan perlu didaftarkan dalam Sistem e-Repositori Penerbitan.

1.10.3. Impak Dalam Konteks Penyelidikan Translasi dan Multidisiplin

- i. Membuktikan hasil dan impak projek penyelidikan kepada negara/kerajaan/industri/komuniti (penyelesaian kepada pernyataan masalah melalui perbandingan dapatan sebelum dan selepas projek berakhir).
- ii. Pulangan kepada universiti dalam bentuk pengiktirafan kepakaran dan potensi penjanaan kewangan.

1.10.4. Video Pendek Hasil Penyelidikan

Setiap projek penyelidikan wajib menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) video pendek hasil penyelidikan (5 minit) dan menyebarluas video tersebut untuk tontonan umum.

1.10.5 Perkongsian Bersama Pihak Berkepentingan

Mengadakan sesi perkongsian dapatan kajian bersama pihak berkepentingan sebagai salah satu usaha mempromosi kepakaran UKM dan menjadi pakar rujuk.

1.10.6. Memorandum Perjanjian (MoA)/MoU

Menggalakkkan penyelidik mengadakan perjanjian kerjasama penyelidikan dengan memeterai Memorandum Perjanjian Persefahaman (MoU)/Memorandum Perjanjian (MoA)/ Perjanjian Penyelidikan (RA) di antara UKM dengan rakan kolaborasi lain yang terlibat bagi menjalankan penyelidikan ini. Dokumen perjanjian ini perlu dimeterai dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh surat kelulusan penyelidikan dikeluarkan.

1.11 Tarikh Buka dan Tutup Permohonan

Pusat IDEA akan membuat pemakluman mengenai tarikh buka dan tutup permohonan melalui Portal e-Warga, hebahan rasmi kepada kepada Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat dan pemakluman di laman sesawang IDEA (<http://www.ukm.my/ideaukm>)

BAHAGIAN 2 (PENILAIAN)

2.1. Penilaian

- 2.1.1. Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Pakar Bidang di peringkat penilaian dalaman Universiti.
- 2.1.2. Permohonan yang telah disokong oleh Jawatankuasa Pakar Bidang perlu membentangkan kertas cadangan penyelidikan.
- 2.1.3. Perakuan daripada Jawatankuasa Pakar Bidang akan dimajukan ke Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan Universiti untuk tujuan kelulusan.
- 2.1.4. Pemakluman keputusan penilaian akhir melalui Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan adalah muktamad.
- 2.1.5. Carta alir adalah seperti di Bahagian 7.

BAHAGIAN 3 (KEPUTUSAN)

3.1. Pemakluman Keputusan dan Penawaran

- 3.1.1 Keputusan permohonan projek Geran Translasi UKM (TR-UKM) akan dimaklumkan kepada pemohon selepas perakuan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelidikan dan Penerbitan.
- 3.1.2 Bagi projek yang diluluskan, surat kelulusan dan tanggungjawab penyelidik akan dikeluarkan kepada Ketua Projek. Ketua Projek perlu mengambil tindakan dengan mengembalikan Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK01-L01) kepada Pusat IDEA untuk tujuan pengaktifan projek dalam SMPU dan disalinkan kepada Unit Kewangan Penyelidikan CRIM (UKPC) untuk tujuan pengaktifan peruntukan projek dalam Sistem UFast.
- 3.1.3 Sekiranya Surat Pengakuan Menjalankan Penyelidikan (UKM-SPKP-CRIM-PK01-L01) tidak dikembalikan kepada Pusat IDEA dan UKPC dalam suatu tempoh yang ditetapkan, status projek akan pasif dan penggunaan peruntukan ditangguhkan atau boleh dibatalkan.
- 3.1.4 Ketua Projek perlu memastikan perjanjian MoU/MoA/RA dengan rakan kolaborasi dimeterai dalam tempoh sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh surat lantikan projek dikeluarkan. Ketua Projek juga bertanggungjawab memastikan perkara yang terkandung dalam perjanjian MoU/MoA/RA dipatuhi oleh kedua pihak.

BAHAGIAN 4 (PEMANTAUAN)

4.1. Laporan Kemajuan

4.1.1 Semua projek yang diluluskan akan dipantau dari aspek prestasi projek dan prestasi kewangan seperti berikut:

- i. Projek penyelidikan yang telah mencapai tempoh 3 dan 9 bulan dari tarikh mula projek perlu menghantar laporan kemajuan secara bertulis.
- ii. Projek penyelidikan yang telah mencapai 6 dan 12 bulan dari tarikh mula projek perlu membentangkan laporan kemajuan dalam seminar pemantauan dan menyediakan laporan kemajuan berkala melalui sistem SMPU yang telah ditetapkan seperti jadual berikut:

Penghantaran Laporan	Tempoh Laporan Kemajuan
1-31 Januari	Januari/dari tarikh mula projek hingga Jun
1-31 Julai	Julai/dari tarikh mula projek hingga Disember

- iii. Penghantaran laporan kemajuan adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU). Setiap Ketua Projek bertanggungjawab memastikan laporan kemajuan dihantar mengikut jadual yang ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan peruntukan projek penyelidikan akan dibekukan sehingga laporan kemajuan diterima.

4.1.2 Sekiranya prestasi projek dan prestasi kewangan tidak memuaskan atau pelaksanaan projek tidak memberikan *outcome* yang relevan, pihak universiti dan Jawatankuasa Pakar Bidang boleh mencadangkan geran tersebut untuk ditamatkan.

4.2. Laporan Akhir

Laporan akhir perlu dihantar dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. Penghantaran laporan akhir adalah melalui Sistem Maklumat Penyelidikan Universiti (SMPU). Kegagalan menghantar laporan akhir akan menyebabkan Ketua Projek disenarai hitam daripada memohon sebarang projek penyelidikan di bawah Dana Universiti Penyelidikan.

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

BAHAGIAN 5 (LAIN-LAIN)

5.1. Ketua Program/Projek Berhenti/Pindah Fakulti/Institut/Pusat (F/I/P)

Fakulti perlu memaklumkan kepada Pusat IDEA apabila ketua program/projek yang telah/akan berhenti dari perkhidmatan di UKM. Projek yang diluluskan akan terus kekal di F/I/P berkenaan dan tidak boleh dipindahkan ke F/I/P lain.

5.2. Tambah Masa Tempoh Penyelidikan

Permohonan tambah masa boleh dipertimbangkan sekiranya projek masih aktif dan terdapat aktiviti yang masih belum tercapai. Syarat-syarat permohonan adalah:

- i. Permohonan mestilah dikemukakan dalam tempoh tiga (3) bulan sebelum tarikh tamat projek menggunakan Borang Permohonan Tambah Masa Projek Penyelidikan
- ii. Tempoh maksima yang dibenarkan untuk pelanjutan setiap projek penyelidikan ialah selama 3 bulan sahaja.
- iv. Setiap permohonan perlulah dihantar bersama-sama Borang Laporan Penilaian Prestasi dan Kemajuan Projek Penyelidikan.

5.3. Pemindahan Siri-V (Belanjawan) Projek

Permohonan pemindahan Siri-V projek penyelidikan boleh dipertimbangkan sekiranya projek memerlukan pindahan kewangan berdasarkan keperluan dan justifikasi yang kukuh. Permohonan hanya boleh dibuat SEKALI sahaja dalam tempoh projek aktif.

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

BAHAGIAN 6 (PERANAN)

6.1. PUSAT IDEA UKM

- i. Memaklumkan pelawaan permohonan geran penyelidikan kepada Fakulti/Institut/ Pusat;
- ii. Menerima dan memproses permohonan yang dihantar sebelum atau pada tarikh tutup permohonan;
- iii. Memaklumkan keputusan penilaian kepada Ketua Projek;
- iv. Membuat pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi projek penyelidikan.
- v. Memastikan KPI projek penyelidikan berjaya dicapai selepas penghantaran laporan akhir penyelidikan.

6.2. FAKULTI / INSTITUT / PUSAT

- i. Memaklumkan kepada Penyelidik sebarang perubahan dan perkembangan terbaru mengenai geran penyelidikan di UKM;
- ii. Memaklumkan kepada Pusat IDEA berkaitan sebarang perubahan melibatkan projek penyelidikan/penyelidik.
- iii. Membuat pemantauan terhadap kemajuan dan prestasi projek penyelidikan.
- iv. Mengurus aset daripada geran penyelidikan.

6.3. KETUA PROJEK

- i. Membaca dan memahami garis panduan sebelum membuat permohonan;
- ii. Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti dikehendaki;
- iii. Memastikan projek penyelidikan berjalan dengan efektif untuk mencapai objektif penyelidikan dan jejak kunci mengikut masa yang ditetapkan dengan jumlah peruntukan yang diberi;
- iv. Mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan setiap 3/6/9/12 bulan sekali dan menghantar laporan akhir selepas projek tamat.


6.4 PENYELIDIK

- i. Menjalankan penyelidikan sebagaimana permohonan yang telah diluluskan.

DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.

PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

BAHAGIAN 7 (CARTA ALIR)



DOKUMEN INI ADALAH DOKUMEN TERKAWAL.
PENYALINAN TANPA KEBENARAN BERTULIS DARIPADA PIHAK PENGURUSAN UKM ADALAH TIDAK
DIBENARKAN

- TAMAT -

**PENGARAH
PUSAT IDEA UKM**

PEJABAT AM
ARAS 2, KOMPLEKS PENYELIDIKAN UKM,
LINGKUNGAN KEDUA,
43600 UKM BANGI,
SELANGOR DARUL EHSAN

EMEL: idea@ukm.edu.my

LAMAN SESAWANG:
<http://www.ukm.my/ideaukm>